

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 12, 2019 9:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Harus Rebut Peluang Ke Luar Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 SEPTEMBER 2019 / 12 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PELAJAR HARUS REBUT PELUANG KE LUAR NEGARA



UUM ONLINE: Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) disarankan untuk merebut peluang menyertai aktiviti mobiliti yang dijalankan di luar negara seperti Korea, Jepun, Indonesia dan Singapura.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, peluang terbuka luas untuk pelajar di universiti ini untuk menjalankan aktiviti yang membabitkan luar negara khususnya, selain dalam negeri agar minda mereka terbuka dengan budaya dan persekitaran yang berbeza di luar negara nanti.

"Kita kena ubah budaya malu kepada budaya pandai kerana ramai pelajar cemerlang yang semakin memilih kampus ini berbanding sebelum ini," katanya ketika bertemu dengan pelajar cemerlang yang memperolehi CGPA 4.00 di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Beliau berkata, kemasukan pelajar bagi sesi September baru-baru ini juga membuktikan UUM menjadi pilihan dengan peningkatan pelajar yang mencapai CGPA 4.00 menjadikan UUM sebagai pilihan pertama mereka ketika memohon dalam sistem UPU Online.

Katanya, ramai Alumni UUM juga yang berjaya menempah nama dengan memegang jawatan penting dalam organisasi sama ada dalam atau luar negara.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar baharu ini dapat mengekalkan prestasi cemerlang mereka sepanjang tempoh pengajian di sini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin; Pengarah Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSU), Dr. Rajwani Md Zain dan Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, Mohd Ashari Yaakub.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.